

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, July 17, 2019 8:38 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MyIDC Buka Mata Pengurusan Profesional (Akademik) Tentang Pengurusan Organisasi Dan Kepemimpinan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 JULAI 2019 / 14 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

**MyIDC BUKA MATA PENGURUSAN PROFESIONAL (AKADEMIK) TENTANG
PENGURUSAN ORGANISASI DAN KEPEMIMPINAN**



UUM ONLINE: "Bukan semua pegawai pengurusan profesional mempunyai asas pengurusan organisasi dan kepemimpinan, justeru penganjuran International Deans' Course Malaysian Chapter (MyIDC) ini telah membuka mata golongan terbabit untuk melatih diri dengan kemahiran yang diperlukan," kata jurulatih MyIDC, Prof. Madya Dr. Ariffin Abdul Mutalib.

Beliau yang merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Teknologi, Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) berkata, di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT), MyIDC telah diolah dan memberi ruang kepada Dekan dan Pengarah Institut untuk mempertajamkan kemahiran mereka dalam aspek pengurusan dan kepemimpinan.

Katanya, MyIDC Fasa 1 ini merangkumi modul-modul tadbir urus universiti, pengurusan strategik fakulti, keusahawanan di universiti, perancangan tindakan projek, kepemimpinan dan pengurusan perubahan, manakala Fasa 2 dan 3 akan merangkumi enam modul lagi termasuk pengurusan konflik, komunikasi, pengurusan sumber manusia dan pengurusan kewangan.

"Sebagai jurulatih program ini, MyIDC dilihat telah berjaya menjadi wadah untuk memperkayakan kemahiran yang diperlukan Dekan khususnya bukan sahaja mereka memperoleh ilmu baharu tetapi menjalinkan hubungan dan keakraban bersama peserta dari universiti lain juga.

"Saya teruja dan gembira apabila dipilih menjadi jurulatih bagi MyIDC yang diadakan di UUM kali ini kerana program MyIDC amat berprestij dalam pembangunan profesion Kedekanan dan juga pembangunan keinsanan," katanya.

Tambah beliau, sepanjang program itu, kuliah dijalankan melalui pelbagai teknik penyampaian dan segala teknik yang diamalkan boleh digunapakai peserta dalam urusan kerja masing-masing.

Sepanjang 10 hari di UUM, peserta MyIDC turut berpeluang menyertai sesi perkongsian bersama Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Bilik Senat, baru-baru ini.

Beliau berkongsi tentang tadbir urus UUM termasuk pencapaian universiti di peringkat nasional dan antarabangsa menerusi perancangan strategik yang telah menarik minat peserta MyIDC.

Prof. Dr. Ahmad Bashawir berkata, objektif penubuhan UUM oleh Perdana Menteri Ke-4 ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah untuk menjadikan UUM sebagai pusat kecemerlangan pengurusan pendidikan, menjadi pusat rujukan dalam semua aspek pengurusan dan menjadi pusat sumber yang terulung dalam bidang pengurusan.

Menurutnya, untuk memastikan UUM berada di landasan betul, pengurusan universiti telah mewujudkan pelan transformasi yang dibahagikan kepada dua iaitu Pelan Strategik UUM Fasa 1 (2011-2015) menfokuskan kepada usaha untuk menjadi universiti pengurusan di Malaysia dan Pelan Strategik UUM Fasa 2 (2016-2020) yang memberi fokus pengantarabangsaan universiti di seluruh dunia.

Sepanjang MyIDC bermula 30 Jun lalu, peserta dibawa melawat sekitar kampus, antaranya UUMIT, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, U-Assist, Muzium Pengurusan, Anjung Tamu, pokok Tiga Beradik serta menaiki basikal elektrik bagi melihat Taman Rusa, Pusat Ekuin dan Dewan Mu'adzam Shah, seterusnya ke Pulau Langkawi.

MyIDC merupakan inisiatif yang diterajui sekumpulan dekan dan mantan dekan IPT di Malaysia yang telah mengikuti International Deans' Course bagi Asia Tenggara sejak 10 tahun lalu.

Program ini dianjurkan secara bersama oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan Universiti Putra Malaysia bertujuan memenuhi tuntutan pembangunan pengetahuan dan kemahiran dekan di IPT di Malaysia sebagai usaha memenuhi hasrat ekosistem pengajian tinggi yang dinamik.

MyIDC terbahagi kepada tiga fasa yang dikelolakan oleh IPT yang berbeza iaitu Fasa 1: Latihan dan seminar di Kedah; Fasa 2: Latihan dan seminar di Melaka; Fasa 3: Latihan dan seminar di AKEPT dan Kolokium MyIDC di AKEPT.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.